



FAKTOR-FAKTOR YANG MEMPENGARUHI PENGUASAAN KOSA KATA PELAJAR: SATU SOROTAN LITERATUR SISTEMATIK

FACTORS AFFECTING STUDENTS' VOCABULARY MASTERY: A SYSTEMATIC LITERATURE REVIEW

Norillah binti Abdullah Hassim¹, Amiruldin bin Ishak² & Fahmi Zaidi bin Abdul Razak³

¹Pelajar Doktor Falsafah Pengajian Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah,

²Fakulti Pengajian Islam, Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah & ³Fakulti Pengurusan dan Informatik,
Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah

Abstrak

Kosa kata ialah pengetahuan tentang perkataan, jenis dan maknanya sama ada dalam percakapan mahupun penulisan. Kajian telah membuktikan bahawa kosa kata yang banyak amat penting untuk menguasai sesuatu bahasa. Kajian juga melaporkan bahawa terdapat pelbagai faktor yang mempengaruhi penguasaan kosa kata seseorang. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti, mengkaji dan mensintesis faktor-faktor yang mempengaruhi penguasaan kosa kata Arab pelajar. Kajian ini menggunakan Systematic Literature Review (SLR) berdasarkan i) tarikh penerbitan antara 2001 dan 2021, ii) bahasa Melayu, Inggeris dan Arab iii) diterbitkan dalam pangkalan data Google Scholar dan ERIC. Sorotan literatur ini menunjukkan bahawa penguasaan kosa kata tidak dipengaruhi oleh faktor linguistik bahasa itu sendiri tetapi dipengaruhi oleh faktor psikologi, faktor pengajaran dan pembelajaran (PdP) dan faktor kemahiran komunikasi. Kajian ini menyumbang kepada kajian yang sedia ada dengan menyatukan kajian berkaitan penguasaan kosa kata dan serta mencadangkan agar dijalankan kajian mengenai faktor yang mempengaruhi penguasaan kosa kata Arab pelajar di Malaysia supaya pihak-pihak yang berkenaan dapat merancang strategi yang sewajarnya dalam meningkatkan tahap pembelajaran bahasa Arab melalui penguasaan kosa kata.

Kata kunci: Faktor, Kosa Kata, Pelajar, Literatur Sistematik

Perkembangan Artikel

Diterima: 06 September 2023

Disemak: 26 Oktober 2023

Diterbit: 31 Oktober 2023

*Corresponding Author:

Norillah binti Abdullah Hassim
Fakulti Pengajian Islam,
Universiti Islam Pahang Sultan
Ahmad Shah, Kuantan, Malaysia.

Email:

norillah@unipsas.edu.my

Abstract

Vocabulary is the knowledge of words, their types and meanings whether in conversation or writing. Studies have proven that a large vocabulary is very important to master a language. Studies also report that there are various factors that affect a person's vocabulary mastery. This study aims to identify, study and synthesize the factors that affect students' Arabic vocabulary mastery. This study uses Systematic Literature Review (SLR) based on i) publication dates between 2001 and 2021, ii)

Malay, English and Arabic iii) published in Google Scholar and ERIC databases. The highlights of this literature show that vocabulary mastery is not influenced by linguistic factors of the language itself but is influenced by psychological factors, teaching and learning factors and communication skills factors. This study contributes to the existing studies by bringing together studies related to vocabulary mastery and also suggests that a study be conducted on the factors that affect students' Arabic vocabulary mastery in Malaysia so that the parties concerned can plan an appropriate strategy in improving the level of learning Arabic through vocabulary mastery.

Keywords: Factor, Vocabulary, Student, Systematic Literature

PENGENALAN

Kosa kata ialah pengetahuan tentang jenis perkataan dan maknanya sama ada dalam percakapan mahupun penulisan atau dalam bentuk produktif dan reseptif (Lehr et al., 2004). Kosa kata boleh dikategorikan kepada kosa kata berfrekuensi tinggi, akademik dan teknikal (Razak & Samah, 2018), reseptif dan produktif (Husaini & Mohamad, 2020).

Penguasaan kosa kata merujuk kepada bilangan perkataan yang diketahui oleh seseorang individu (Masrai & Milton, 2019) atau jumlah kosa kata yang diketahui, dimiliki, dikuasai dan diguna pakai oleh setiap individu dalam komunikasi berbahasa (Ngalawi & Zainal, 2020). Kajian telah menunjukkan bahawa kosa kata yang banyak amat penting untuk menguasai sesuatu bahasa (Masrai & Milton, 2019) dan banyak mempengaruhi empat kemahiran utama berbahasa pelajar (Ngalawi & Zainal, 2020) serta dapat menentukan tahap pembelajarannya (Mufidah & Rohima, 2020).

Setiap bahasa mempunyai berpuluhan ribu kosa kata. Setiap kosa kata terdapat tujuh elemen linguistik yang perlu dipelajari oleh pelajar iaitu; fonologi dan ortografi, maklumat sintaksis, morfologi, pragmatik, artikulasi, idiomatik dan semantik. Hal ini menyebabkan pengajaran dan pembelajaran kosa kata bahasa asing yang sempurna merupakan satu tugas yang mustahil dan tidak memberi ransangan yang positif kepada guru dan pelajar (De Groot & Van Hell, 2005). Ini membuktikan bahawa faktor-faktor linguistik sememangnya mempengaruhi penguasaan kosa kata pelajar.

Walaubagaimanapun terdapat juga faktor-faktor bukan linguistik yang mempengaruhi kejayaan pelajar dalam pembelajaran bahasa seperti faktor pelajar, faktor berkaitan guru, faktor berkaitan persekitaran pembelajaran dan faktor yang berkaitan dengan persekitaran sosial (Nurlaila, 2020). Laporan ini secara tidak langsung menunjukkan bahawa faktor-faktor ini turut mempengaruhi penguasaan kosa kata pelajar kerana ilmu leksikologi merupakan antara aspek fundamental sesuatu bahasa (Suhaemi, 2010) malah kosa kata juga antara aspek terpenting dalam menguasai bahasa tersebut (Maududi et al., 2018).

Sehubungan dengan itu kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti, mengkaji dan mensintesis faktor yang mempengaruhi penguasaan kosa kata bahasa asing atau bahasa kedua dalam kalangan pelajar. Melalui kajian literatur sistematik penilaian kritikal melaluinya

terhadap ketelitian metodologi, kredibiliti keputusan yang didokumenkan dapat dipertingkatkan (Ewijk, E., & Ros-Tonen, 2021). Hasil dapatan daripada kajian literatur sistematis memberikan ketelitian yang boleh membantu dalam mengurangkan bias penyelidik. Pada masa yang sama dapat mendefinisikan skop kajian yang tepat dengan penjelasan yang terperinci tentang kriteria pemilihan bertujuan untuk mencari dan menyemak semua kajian yang berkaitan dengan definisi carian (Senivongse, C., Bennet, A., & Mariano, 2017).


METODOLOGI

Kajian ini mengadaptasi pendekatan Systematic Literature Review (SLR) yang menggunakan *Preferred Reporting Items for Systematic Reviews and Meta-Analyses* (PRISMA) yang dicadangkan oleh Moher et al (2009).

PRISMA ialah alat atau panduan dalam menjalankan sorotan kajian lepas menggunakan pendekatan SLR. Ia pada mulanya dibina untuk penyelidik yang membuat kajian dalam bidang penjagaan kesihatan. Walaubagaimanapun PRISMA juga sesuai digunakan untuk mana-mana semakan sistematis bagi konsep dan topik umum dan bukan hanya meringkaskan faedah dan kemudaratan intervensi penjagaan kesihatan semata-mata (Moher et al., 2009). PRISMA mencadangkan empat peringkat tapisan maklumat dalam membuat sorotan kajian lepas iaitu mengenalpasti (*identification*), membuat saringan (*screening*), membuat pilihan artikel yang layak (*eligibility*) dan memasukkan artikel dalam sorotan.

Bagi mengenal pasti sebanyak mungkin kajian yang layak, pengkaji telah menggunakan semua perkataan yang sinonim dengan “faktor” seperti “penentu” ATAU “pengaruh” ATAU “kolerasi” ATAU “penguasaan kosa kata” ATAU “kosa kata” dalam bahasa Melayu, Inggeris dan Arab. ” dalam carian melalui Google Scholar sebagai pangkalan data utama kerana mempunyai paling banyak artikel rujukan iaitu sebanyak 389 juta dokumaen (Gusenbauer, 2019). Tahun penerbitan ditetapkan antara 2001 sehingga 2021. Pencarian literatur ini telah menghasilkan penemuan 3470 artikel.

Artikel-artikel tersebut ditapis dan hanya artikel penyelidikan yang diterbitkan dalam jurnal berbahasa Melayu, Arab dan Inggeris akan dipertimbangkan untuk dibuat sorotan literatur. Penerbitan bukan jurnal seperti kertas persidangan, bab buku dan tesis telah disingkirkan. Proses saringan menghasilkan penemuan sebanyak 104 rekod. Pada peringkat ketiga, hanya kajian berkaitan faktor yang mempengaruhi penguasaan kosa kata dipertimbangkan yang berjumlah sebanyak lapan buah artikel dengan mengecualikan kajian mengenai penguasaan kosa kata sebagai faktor. Semua artikel ini akhirnya telah dipilih dan dimasukkan. Rajah di bawah menunjukkan bilangan artikel yang disaring dan dikecualikan dalam kajian ini berdasarkan PRISMA.




Rajah 1.0: Bilangan artikel yang disaring dan dikecualikan berdasarkan PRISMA

KRITERIA KAJIAN


Bahagian ini membentangkan hasil deskriptif yang diperoleh daripada analisis sembilan kertas kerja yang dimasukkan ke dalam SLR. Profil kajian yang diekstrak dibentangkan dalam Rajah 2, 3, dan 4. Seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 2, kajian pertama diterbitkan pada 2014 oleh Mahmudah (2014), kajian yang kedua dan ketiga diterbitkan pada 2017 oleh Asyiah (2017) dan Ni'mah (2017), terbitan keempat pada 2019 oleh Rahman et al. (2019), terbitan kelima pada 2019 dan baki kajian yang lain diterbitkan pada 2021. Ini menunjukkan bahawa kajian tentang faktor-faktor dalam penguasaan kosa kata Arab semakin mendapat perhatian bermula dari tahun 2014 dan semakin meningkat pada tahun 2021.

Dari segi penerbitan mengikut negara, seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 3, semua kajian dijalankan di Indonesia. Berdasarkan kaedah analisis, seperti yang ditunjukkan dalam


Rajah 4, kajian yang dikaji telah dijalankan dengan metodologi kuantitatif, satu kajian yang menggunakan metodologi kualitatif dan satu kajian lain menggunakan kaedah campuran. Kajian kuantitatif menggunakan analisis faktor dan analisis regresi manakala kajian kualitatif pula menggunakan pemerhatian, temubual dan ujian.



Rajah 2: Bilangan artikel mengikut tahun



Rajah 3: Negara yang menerbitkan artikel kajian mengenai kosa kata bahasa Arab



Rajah 4: Jenis metodologi kajian yang dijalankan

PERBINCANGAN DAN DAPATAN

Hasil dari penelitian yang dibuat mendapati bahawa penguasaan kosa kata pelajar dipengaruhi oleh tiga faktor utama. Faktor psikologi merupakan faktor dominan yang mempengaruhi pengusaaan kosa kata pelajar, diikuti oleh faktor pengajaran dan pembelajaran (PdP) dan akhir sekali ialah faktor kemahiran bahasa.

a) Faktor psikologi

Faktor psikologi mewakili elemen utama dalam penguasaan kosa kata pelajar. Tinjauan menunjukkan beberapa elemen psikologi seperti i) tabiat ii) efikasi kendiri iii) persepsi dan iv) motivasi.

i) Tabiat

Proses pembelajaran secara umumnya melibatkan banyak faktor dan antara faktor yang terpenting ialah faktor tabiat belajar (Kiblasan et al., 2016). Manakala dalam penguasaan kosa kata pula, kajian melaporkan bahawa tabiat membaca mempunyai hubungan yang positif dengan penguasaan kosa kata pelajar. Semakin kerap pelajar membaca, semakin tinggi penguasaan kosa kata pelajar (Fitria & Syahrul, 2021), (Munawir & Ramli, 2021).

ii) Efikasi kendiri

Efikasi kendiri ialah perasaan seseorang terhadap kebolehan sendiri dalam menghasilkan tahap prestasi yang tinggi serta mampu meningkatkan pencapaian seseorang dan kesejahteraan diri dalam pelbagai aspek (Bandura & Wessels, 1994).

Berdasarkan analisis data yang dijalankan oleh Gisella & Mulyadi (2020) menunjukkan bahawa terdapat pengaruh efikasi kendiri yang signifikan kepada penguasaan kosa kata di mana semakin tinggi tahap efikasi kendiri pelajar, semakin banyak kosa kata yang akan mereka kuasai (Gisella & Mulyadi, 2021).

iii) Persepsi

Kajian Lekawael & Ferdinandus (2021) mendapati bahawa persepsi pelajar terhadap pembacaan yang meluas memberi kesan kepada pembinaan kosa kata (Lekawael & Ferdinandus, 2021) manakala kajian Asyiah (2017) pula melaporkan bahawa pelajar kebanyakannya percaya bahawa pengajaran kosa kata dan pembelajaran kosa kata adalah penting dalam membantu mereka berkomunikasi (Asyiah, 2017). Ini menunjukkan bahawa persepsi turut menyumbang dalam penguasaan kosa kata pelajar. Semakin positif persepsi pelajar terhadap pendekatan yang digunakan dalam pembelajaran kosa kata semakin baik pembinaan kosa kata mereka.

iv) Motivasi

Kajian Lekawael & Ferdinandus (2021) dan Asyiah (2017) juga menunjukkan bahawa aspek pedagogi dan persepsi mampu meningkatkan motivasi pelajar dalam pembelajaran dan penguasaan kosa kata, contohnya pelajar yang kurang bermotivasi dalam membaca akan turut kekurangan kosa kata (Lekawael & Ferdinandus, 2021). Ini menunjukkan bahawa aspek motivasi turut mempengaruhi penguasaan kosa kata pelajar.

b) Faktor Pengajaran dan Pembelajaran (PdP)

Faktor lain yang mempengaruhi penguasaan kosa kata pelajar ialah faktor PdP iaitu yang berkaitan dengan strategi pengajaran dan pembelajaran. Kajian juga melaporkan bahawa pelbagai jenis strategi pengajaran dan pembelajaran kosa kata mempunyai pengaruh baik dalam mencari makna awal atau dalam menyimpan kosa kata tersebut ke dalam ingatan jangka panjang mereka. Pelajar bukan hanya perlu meningkatkan penguasaan kosa kata mereka tetapi juga mempraktikkan kosa kata tersebut dalam komunikasi harian sama ada dalam tulisan mahupun perbualan (Rahman et al., 2019), (Asyiah, 2017) dan (Lekawael & Ferdinandus, 2021).

c) Faktor kemahiran bahasa

Kajian melaporkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara kemampuan menulis pelajar dengan penguasaan kosa kata pelajar. Pelajar yang mempunyai kemampuan menulis yang baik mampu meningkatkan penguasaan kosa kata mereka (Mahmudah, 2014). Berdasarkan kajian yang dijalankan oleh Ni'mah (2017), didapati perbezaan markah antara pelajar yang dapat menguasai kosa kata dengan baik dengan pelajar yang tidak dapat menguasai kosa kata dengan baik ialah -3.0550. Maka dapat disimpulkan bahawa terdapat hubungan antara penguasaan kosa kata bahasa Arab dengan kemahiran bertutur Arab dalam kalangan pelajar PBA UNISDA Lamongan (Ni'mah, 2017).

KESIMPULAN DAN CADANGAN

Kajian ini berjaya mengenal pasti, menilai dan mensintesis faktor-faktor yang mempengaruhi penguasaan kosa kata bahasa asing atau kedua dalam kalangan pelajar. Perbendaharaan kata ditakrifkan sebagai pengetahuan tentang jenis pertuturan dan maknanya, baik dalam percakapan dan penulisan, serta dalam bentuk produktif dan reseptif. Kosa kata boleh dibahagikan kepada perbendaharaan kata frekuensi tinggi, akademik dan teknikal, reseptif dan produktif.

Dalam konteks penguasaan kosa kata, terdapat beberapa faktor yang memainkan peranan. Beberapa ulasan literatur telah memberikan gambaran tentang perkara ini. Namun begitu, lebih banyak kajian diperlukan untuk memahami dengan lebih mendalam dan menyeluruh tentang aspek-aspek yang mempengaruhi penguasaan kosa kata pelajar.

Penguasaan perbendaharaan kata yang baik akan memberi impak yang positif kepada kemahiran berkomunikasi dan usaha pelajar untuk menguasai bahasa dengan lebih fasih dan lancar. Sorotan literatur ini menunjukkan bahawa penguasaan kosa kata tidak dipengaruhi oleh faktor linguistik bahasa semata-mata tetapi turut dipengaruhi oleh faktor psikologi, faktor PdP dan faktor kemahiran komunikasi. Walaubagaimanapun belum ditemui kajian yang mengkaji tentang faktor-faktor yang mempengaruhi penguasaan kosa kata Arab pelajar dalam tempoh 10 tahun kebelakang. Sehubungan kajian ini mencadangkan agar kajian mengenai faktor-faktor yang mempengaruhi penguasaan kosa kata Arab pelajar di Malaysia dapat dijalankan supaya pihak-pihak yang berkenaan dapat merancang strategi yang sewajarnya dalam meningkatkan tahap pembelajaran bahasa Arab melalui penguasaan kosa kata. Hasil kajian ini juga diharapkan dapat menyumbang kepada pendidik dan penyelidik dalam merangka pendekatan dan strategi yang lebih berkesan untuk membantu pelajar meningkatkan penguasaan kosa kata bahasa asing atau bahasa kedua.

KONFLIK KEPENTINGAN

Penulis tidak mempunyai sebarang konflik kepentingan sama ada daripada sudut kewangan dan sebagainya dalam menjalankan penyelidikan ini.

PENGHARGAAN

Penulis merakamkan penghargaan kepada semua yang terlibat dalam penulisan kajian ini.

RUJUKAN

- Asyiah, D. N. (2017). The Vocabulary Teaching and Vocabulary Learning: Perception, Strategies, and Influences on Students' vocabulary Mastery. *Jurnal Bahasa Lingua Scientia*, 9(2), 293–318.
- Bandura, A., & Wessels, S. (1994). *Self-efficacy* (Vol. 4). na.
- De Groot, A. M. B., & Van Hell, J. G. (2005). The learning of foreign language vocabulary.

- Handbook of Bilingualism: Psycholinguistic Approaches*, 9–29.
- Ewijk, E., & Ros-Tonen, M. (2021). The fruits of knowledge co-creation in agriculture and food-related multi-stakeholder platforms in sub-Saharan Africa – A systematic literature review. *Agricultural Systems*, 186.
- Fitria, R., & Syahrul, S. (2021). The Correlation Between Reading Habit and Students' Vocabulary Mastery at XII Grade in SMAN 5 Bukittinggi. *Indonesian Journal of Learning Studies*, 1(2), 123–126.
- Gisella, I., & Mulyadi, M. (2021). Exploring The Influence of Self-Efficacy to Undergraduate Students' vocabulary Mastery. *Didascein: Journal of English Education*, 2(2), 63–70.
- Gusenbauer, M. (2019). Google Scholar to overshadow them all? Comparing the sizes of 12 academic search engines and bibliographic databases. *Scientometrics*, 118(1), 177–214.
- Husaini, N. S., & Mohamad, N. (2020). Saiz kosa kata bahasa Arab dalam kalangan pelajar Ijazah Sarjana Muda Bahasa Arab Komunikasi Professional, UiTM. *International Journal of Modern Languages and Applied Linguistics (IJMAL)*, 4(2), 38–62.
- Kiblasan, J., Abufayed, B. F. A., Sehari, A. A., Madamba, F. U., & Mhanna, K. H. (2016). Analyzing the learning style and study habit of students in the faculty of nursing of Al Jabal Al Gharbi University, Gharyan, Libya. *Clinical Nursing Studies*, 4(2), 48–56.
- Lehr, F., Osborn, J., & Hiebert, E. H. (2004). *A focus on vocabulary*. Honolulu, HI: Pacific Resources for Education and Learning.
- Lekawael, R. F. J., & Ferdinandus, M. S. (2021). Investigating Undergraduate Students' perceptions of Extensive Reading Toward Their Vocabulary Mastery in English Department of Pattimura University Ambon. *English Review: Journal of English Education*, 9(2), 345–354.
- Mahmudah, D. R. (2014). The Correlation Between Students' Writing Ability And Their Vocabulary Mastery. *Exposure*, 3(2), 192–206.
- Masrai, A., & Milton, J. (2019). How many words do you need to speak Arabic? An Arabic vocabulary size test. *The Language Learning Journal*, 47(5), 519–536.
- Maududi, A., Purwanto, E., & Awalya, A. (2018). Influence of Pictorial Crossword Puzzle Media Toward Vocabulary Mastery and Initial Writing Skills of Elementary School Students. *Journal of Primary Education*, 7(3), 318–323.
- Moher, D., Liberati, A., Tetzlaff, J., Altman, D. G., & Group*, P. (2009). Preferred reporting items for systematic reviews and meta-analyses: the PRISMA statement. *Annals of Internal Medicine*, 151(4), 264–269.
- Mufidah, N., & Rohima, I. I. (2020). Pengajaran Kosa Kata Untuk Mahasiswa Kelas Intensif Bahasa Arab: Vocabulary Teaching for Arabic Intensive Class. *Uniqbu Journal of Social Sciences*, 1(1), 13–24.
- Munawir, A., & Ramli, Y. R. (2021). The Correlation between the Students' Reading Habit towardtheStudents' Vocabulary Mastery. *IDEAS: Journal on English Language Teaching and Learning, Linguistics and Literature*, 9(2), 502510.
- Ngalawi, A. C., & Zainal, H. (2020). Kajian Literatur Saiz Kosa Kata Arab di Malaysia [Literature Review of The Size of the Arabic Vocabulary]. *BITARA International Journal*

- of Civilizational Studies and Human Sciences (e-ISSN: 2600-9080), 3(1), 157–169.*
- Ni'mah, K. (2017). Korelasi Penguasaan Kosakata Bahasa Arab Dengan Kemampuan Berpidato Bahasa Arab Mahasiswa PBA UNISDA Lamongan. *Dar El-Ilmi: Jurnal Studi Keagamaan, Pendidikan Dan Humaniora*, 4(1), 121–136.
- Nurlaila, N. (2020). Faktor-Faktor Keberhasilan Pembelajaran Bahasa: Perspektif Intake Factors. *Jurnal Kependidikan: Jurnal Hasil Penelitian Dan Kajian Kepustakaan Di Bidang Pendidikan, Pengajaran Dan Pembelajaran*, 6(3), 557–566.
- Rahman, M. F., Rinaldi, R., & Santoso, I. (2019). The Use of Vocabulary Self-Collection Strategy to Improve Students' Vocabulary Mastery. *Professional Journal of English Education*, 2, 93–99.
- Razak, Z. R. A., & Samah, R. (2018). Saiz kosa kata bahasa Arab dalam kalangan pelajar di peringkat pengajian tinggi: Permasalahan dan strategi pengajaran. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics*, 61–70.
- Senivongse, C., Bennet, A., & Mariano, S. (2017). Utilizing a systematic literature review to develop an integrated framework for information and knowledge management systems. *Vine*, 47, 250–264.
- Suhaemi, B. (2010). Urgensi Penguasaan Bahasa Arab Bagi Juru Dakwah. *Ilmu Dakwah: Academic Journal for Homiletic Studies*, 5(16), 85–116.

